



Ruj. Kami : JPNJ.UPK.600-8/7/1 ()
Tarikh : 29 Ogos 2019

Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor
Johor

Tuan,

PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU (RPI) KEPADA IBU BAPA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat KPM.100-6/1/17Jld.2(18) bertarikh 8 Julai 2019 adalah berkaitan.

2. Merujuk kepada perkara di atas, penyediaan penulisan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) dalam talian (e-RPI) luar talian (manual RPI) merupakan satu dokumen yang dirancang khusus untuk seseorang murid, dibentuk bertujuan mendokumentasikan segala pengubahsuaian dan intervensi ke atas program pembelajaran serta perkhidmatan yang disediakan bagi meningkatkan kefungsi MBK.

3. Sehubungan itu, tuan **DIWAJIBKAN** untuk menyerahkan laporan RPI sama ada secara *on-line* (e-RPI) dan *offline* (manual RPI) kepada ibu bapa mengikut prosedur berikut:

- 3.1 Penyerahan dokumen RPI murid berkeperluan khas (MBK) dilaksanakan 2 kali setahun.
- 3.2 Penyerahan pada cuti penggal pertaman dan cuti penggal kedua persekolahan.
- 3.3 Laporan RPI ditandatangani oleh ibu bapa atau penjaga sebagai bukti penerimaan laporan RPI.

4. Sebarang pertanyaan berkaitan hal ini, sila hubungi **Puan Noor Hudah Binti Jamal**, Ketua Penolong Pengarah ditalian **07-23100912/019-7552300** atau menghubungi **En. Mohd Asrul Bin Ahmad**, Penyelia Pendidikan Khas ditalian **07-2310092/0137492948**.

Kerjasama dan perhatian oleh pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(NORBIHA BINTI BUANG)
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Pendidikan Khas
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Johor